



17 OCT, 2019

Tiada peruntukan sekat upah wanita hamil

Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 2



Tiada peruntukan sekat upah wanita hamil

KUALA LUMPUR - Tiada sebarang undang-undang memperuntukkan majikan untuk tidak mengambil wanita hamil bekerja.

Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Mahfuz Omar berkata, aduan boleh dibuat kepada kementeriannya jika berlaku diskriminasi jantina dalam permohonan pekerjaan.

"Kami akan bertindak menghubungi pihak majikan dan membuat perundingan serta memberi nasihat supaya perkara sebegini tidak berlaku," katanya pada sesi soal jawab lisan persidangan Dewan Rakyat di sini semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan Nurul Izzah Anwar (PH-Permatang Pauh) mengenai langkah memastikan tiada wanita didiskriminasi di sebalik cadangan kerajaan melaksanakan cuti bersalin 90 hari bagi wanita bermula 2021.

**MAHFUZ**

Kepada soalan asal Nurul Izzah mengenai usaha melindungi pemohon kerja daripada segala bentuk diskriminasi, Mahfuz menjelaskan kementerian komited melaksanakan garis panduan agar ia tidak berlaku di tempat kerja.

Kementerian, katanya, dalam tindakan menyemak peruntukan undang-undang pekerjaan iaitu khusus berkaitan larangan diskriminasi dalam pekerjaan dimasukkan dalam cadangan pindaan Akta 265 (Akta Kerja 1955).

Jelasnya, ia merang-

kumi diskriminasi berdasarkan jantina, agama, bangsa, ketidakupayaan, status perkahwinan, bahasa, dan kehamilan.

Katanya, ia selaras dengan saranan Pertubuhan Buruh Antarabangsa melalui Discrimination (Employment and Occupation) Convention No.111 (1998).

"Namun begitu, kementerian tiada cadangan memperuntukkan perlindungan kepada pemohon kerja untuk diliputi dalam Pindaan Akta Kerja 165," katanya.

"Selain itu, diskriminasi melibatkan terma dan syarat pekerjaan dalam kontrak perkhidmatan turut dilarang.

"Jika terdapat kes-kes yang melibatkan penamat-an pekerja berbangkit dari amalan diskriminasi, pekerja juga boleh memfailkan representasi di bawah seksyen 20, akta yang sama bagi pemulihan pekerjaan sekiranya pekerja diber-hentikan," katanya.



17 OCT, 2019

Tiada peruntukan sekat upah wanita hamil

Sinar Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

6 Tiada undang-undang sekat majikan tidak ambil wanita hamil bekerja

KUALA LUMPUR - Tiada sebarang undang-undang memperuntukkan majikan untuk tidak mengambil wanita hamil bekerja. Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Mahfuz Omar berkata, aduan boleh dibuat kepada kementeriannya jika berlaku diskriminasi jantina dalam permohonan pekerjaan. "Kami akan bertindak menghubungi pihak majikan dan membuat perundingan serta memberi nasihat supaya perkara sebegini tidak berlaku," katanya pada sesi soal jawab lisan persidangan Dewan Rakyat di sini semalam.